

KAPAL TANKER DISITA BERSAMA DIESEL BERNILAI RM2.4 JUTA

02:18pm 22/02/2020 Junaidi Ladjana

LABUAN: Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah kapal tanker dan menyita 450,000 liter diesel selepas gagal mengemukakan rekod pembelian bahan api berkenaan dengan nilai keseluruhan rampasan lebih RM2.46 Juta.

Kapal tanker itu ditahan kira-kira jam 5 petang oleh PPM Labuan ketika menjalankan tugas Ops Gelora Khas bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di kedudukan Laut Pelabuhan, di sini, kelmarin.



Sebuah kapal tanker disita bersama muatan 450,000 liter diesel. Gambar SNT/Ihsan PPM

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, hasil pemeriksaan mendapati kapal tanker itu dikemudi seorang kepten lelaki berusia 43 tahun bersama enam kru berusia 26 hingga 40 tahun.

"Hasil pemeriksaan lanjut kapal itu telah melakukan kesalahan kerana gagal mengemukakan rekod belian dan jualan bahan api diesel yang berada di dalam kapal berkenaan."

"Kapal tanker bersama 450,000 liter diesel disita," katanya menerusi kenyataan media hari ini.

Beliau berkata, nilai keseluruhan rampasan kapal dan diesel itu berjumlah RM2,463,000.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya. – SabahNewsToday